



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM) CAWANGAN KELANTAN

**TINGKATAN 5
2020**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**SKEMA
PEMARKAHAN**

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

(30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kurang memuaskan	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas.
Pencapaian minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> • Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.

Ungkapan menarik :

Peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

Karangan B : Karangan Respons Terbuka

(100 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.
Kepujian	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> • Idea yang relevan mengikut tugasan, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai dengan tugasan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. • Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Baik	<p>51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan pelbagai ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai. • Wacana masih lengkap.
Memuaskan	<p>36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai. • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ayat kurang gramatis. • Laras bahasa kurang sesuai. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. • Pengolahan kurang menarik. • Wacana masih / kurang lengkap.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kurang memuaskan	<p style="text-align: center;">21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.
Pencapaian Minimum	<p style="text-align: center;">01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Idea bercampur aduk dan huraihan tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai. • Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami.

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – 1103/1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM, 2020**

[Markah penuh : 130 markah]

Bahagian A (30 markah)

Lihat grafik di bawah dengan teliti.

*Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan koperasi sekolah kepada pelajar**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Kehendak soalan.

1. Calon menghuraikan **kebaikan koperasi sekolah kepada pelajar**.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan:
 - mendidik pelajar berurus niaga
 - menjimatkan masa
 - memudahkan pelajar membeli barang dan mendapatkan perkhidmatan
3. Sekiranya calon menambah isi lain kebaikan koperasi sekolah kepada pelajar, isi tersebut boleh diterima, periksa seperti biasa.
4. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, periksa seperti biasa.
5. Dalam konteks penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana kita tidak mahu menyekat daya kreativiti calon di samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis lebih panjang.
6. Karangan tidak sampai 200 patah perkataan tidak layak dapat Cemerlang. Maksimum – **Kepujian** (20 – 25).

Bahagian B (100 markah)

Soalan 1

Malaysia memerlukan pekerja yang cemerlang dalam usaha menjadi sebuah negara yang mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain.

Huraikan ciri-ciri pekerja cemerlang yang diperlukan oleh negara.

Kehendak soalan:

1. Calon perlu menulis ciri-ciri pekerja cemerlang yang diperlukan oleh negara.
2. Contoh ciri pekerja cemerlang:
 - mampu bekerja secara berpasukan
 - mempunyai kemahiran komunikasi
 - berdisiplin
 - bijak menyelesaikan masalah
 - mahir menggunakan teknologi terkini
 - mempunyai ilmu pengetahuan

Soalan 2

Generasi muda hari ini dikatakan ketandusan budi bahasa sehingga menimbulkan kegusaran pihak kerajaan kerana mereka merupakan pemimpin masa depan negara.

Jelaskan peranan ibu bapa untuk melahirkan generasi muda yang berbudi bahasa.

Kehendak soalan:

1. Calon mesti menulis peranan ibu bapa untuk melahirkan generasi berbudi bahasa.
2. Contoh peranan ibu bapa:
 - didikan awal ibu bapa
 - ibu bapa menjadi suri teladan
 - ibu bapa membawa anak menyertai program yang berkaitan – pembangunan diri
 - ibu bapa menitikberatkan didikan agama

Soalan 3

Pengguna sepatutnya mengutamakan barang buatan Malaysia kerana hal ini akan memberikan pelbagai kebaikan kepada negara. Anda ingin menulis sebuah rencana yang berjudul ‘Kepentingan Membeli Barang Buatan Malaysia.’

Tuliskan teks rencana anda selengkapnya.

Kehendak soalan

1. Calon menulis karangan berformat iaitu rencana yang bertajuk “Kebaikan Membeli Barang Buatan Malaysia.”

2. Format rencana : Tajuk dan Penulis. Sekiranya calon menulis karangan biasa – tidak berformat, maksimum – **Kepujian** (66 – 79).
3. Contoh kebaikan membeli barang buatan Malaysia:
 - menyokong perkembangan ekonomi negara
 - mengurangkan kebergantungan kepada barang import
 - membantu industri tempatan berkembang dengan lebih maju
 - mengurangkan pengaliran wang ke luar negara
 - memperkasakan semangat cinta akan negara

Soalan 4

Kemajuan industri kraf tangan perlu diberi perhatian memandangkan penghasilan ini mampu menambahkan pendapatan negara khususnya membantu industri pelancongan.

Jelaskan langkah yang boleh dilakukan untuk memastikan kraf tangan negara berjaya menarik minat pelancong asing.

Kehendak soalan.

1. Calon dikehendaki menulis langkah untuk memastikan kraf tangan negara berjaya menarik minat pelancong asing.
2. Contoh langkah;
 - pengusaha kraf tangan mengikuti bengkel dan kursus meningkatkan kualiti
 - wewujudkan pusat hasil kraf tangan
 - kerajaan memberi bantuan modal kepada pengusaha
 - pemantauan berterusan oleh Perbadanan Kraf Tangan Malaysia – aspek pengeluaran dan penjualan
3. Sekiranya calon tidak mengaitkan dengan hasil kraf tangan berjaya menarik minat pelancong asing – **Kepujian** (66 – 79).

Soalan 5

*Malaysia oh tanah airku,
Tanah tempat tumpah darahku,
Negeri elok amat kucinta,
Yang kupuja sepanjang masa.*

Lirik lagu ‘Malaysia Tanah Airku’ di atas menggambarkan rasa cinta yang mendalam kepada negara Malaysia.

Nyatakan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

Kehendak soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha menunjukkan rasa cinta akan negara.
2. Contoh usaha :
 - rakyat Malaysia mengutamakan pakaian kebangsaan - tradisional
 - membeli barang buatan Malaysia
 - sentiasa menyertai sambutan hari ulang tahun kemerdekaan
 - mempertahankan negara
 - belajar bersungguh-sungguh untuk menjadi tenaga kerja yang bakal mengharumkan nama negara
 - tidak melibatkan diri dalam salah laku yang mencemarkan imej negara